

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/2/JLD12 (19)

**PROGRAM SEKSYEN 52 BANDAR SIHAT, SELAMAT DAN BERBUDAYA  
“ PJ Safe...Safety For All ” – Keselamatan Wanita Teras  
Masyarakat Sejahtera.**

‘PJ Safe...Safety For All’ adalah program yang telah dirangka oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) ke arah merealisasikan sasaran ‘Petaling Jaya, Sebuah Bandaraya Mampan Menjelang 2030’ (Sustainable Petaling Jaya 2030).

Program ini bertujuan untuk merencanakan Pelan Induk Keselamatan Majlis yang merangkumi aspek perkhidmatan dan pembangunan lestari. Salah satu aspek yang perlu diperhebatkan adalah tahap keselamatan dan kesejahteraan seluruh penduduk Petaling Jaya selaras dengan objektif pelaksanaan program ‘PJ Safe...Safety For All’ ini yang diharapkan akan melahirkan sebuah masyarakat yang prihatin dan berpengetahuan berhubung isu-isu keselamatan.

MBPJ akan terus memainkan peranan dalam memberi pendidikan, kesedaran dan penghayatan kepada semua rakyat melalui kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO).

Untuk sepanjang tahun ini, MBPJ akan mempergiatkan program berbentuk *roadshow* di seluruh Petaling Jaya yang bertujuan memberi pendidikan dan kesedaran secara fokus kepada kumpulan-kumpulan sasaran seperti wanita, kanak-kanak, remaja dan sebagainya.

Keseluruhan perancangan bandar selamat yang diwar-warkan majlis selama ini tidak akan berkesan sepenuhnya jika orang ramai sendiri tidak dididik dengan teknik mempertahankan diri serta langkah pencegahan jenayah yang betul.

Program pada hari ini merupakan permulaan kepada *roadshow* yang telah dirancang dan membawa tema ‘Keselamatan Wanita Teras Masyarakat Sejahtera’.

Tema ini sangat relevan dalam konteks membentuk ahli-ahli masyarakat yang selamat, penyayang dan seterusnya masyarakat sejahtera. Tema ini juga mengingatkan kita bahawa menghargai dan menghormati wanita adalah nilai-nilai murni yang perlu kita semai dalam diri dan ahli keluarga selaras dengan tuntutan agama dan rukun negara yang kita dukung.

Situasi keselamatan pada hari ini boleh dianggap sebagai kritikal, kerana saban hari kita dilaporkan dengan pelbagai kes-kes jenayah dan keganasan terutamanya yang melibatkan kaum wanita. Baru-baru ini, kita turut digemparkan dengan sebuah kes yang berlaku di kawasan tempat letak kereta berhampiran Hospital Putrajaya, apabila seorang wanita berusia 40-an telah diculik, dirompak, seterusnya di bawa ke suatu tempat yang sunyi dan dibogelkan serta dicabul.

Kejadian seumpama ini sememangnya sangat ditakuti oleh kaum wanita terutamanya apabila terpaksa keluar rumah bersendirian.

Setiap wanita perlu dilengkapi dengan pengetahuan untuk mempertahankan diri dan mengelakkan diri daripada menjadi mangsa jenayah.

Teknik dan langkah-langkah pertahanan diri yang betul juga perlu dipelajari sekiranya berhadapan dengan sebarang ancaman jenayah.

Selaras dengan peranan Majlis sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang mentadbir Bandaraya Petaling Jaya, program pada hari ini turut menyaksikan satu lagi inisiatif iaitu pelancaran Tempat Letak Kereta Khas Wanita di kawasan Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya.

Kemudahan ini disediakan khusus untuk pemandu wanita yang memandu berseorangan ke kawasan ini samada bagi tujuan ke Menara MBPJ atau lot-lot kedai yang berhampiran.

Sebagai permulaan kepada inisiatif ini, Majlis akan memperuntukkan 2 buah tempat letak kereta khas untuk wanita di hadapan premis Public Bank dan AmBank yang dilengkapi dengan pengawal keselamatan dan kamera litar tertutup (CCTV) bagi tujuan pemantauan dan keselamatan.

Pemilihan lokasi penyediaan tempat letak kereta khas ini adalah sangat strategik bagi wanita yang memandu berseorangan untuk berurusan dengan bank-bank tersebut.

Majlis akan mengkaji semula keperluan syarat penyediaan tempat letak kereta khusus untuk wanita di dalam syarat-syarat Kebenaran Merancang bagi pembangunan premis dan pusat komersial yang baru serta lain-lain kawasan yang menyediakan kemudahan awam.

Untuk premis yang sediada, Majlis akan memberi kelonggaran masa kepada pemilik premis untuk melaksanakan sistem ini. Namun apabila pemilik premis ingin memperbaharui lesen tempat letak kereta mereka, Majlis akan mensyaratkan sistem ini dan sekiranya gagal, permohonan lesen tersebut tidak akan diperbaharui.

Program hari ini diharap akan dapat memberi manfaat serta mencetuskan kerjasama yang lebih erat di antara MBPJ, komuniti dan pihak-pihak lain dalam melahirkan suasana persekitaran yang harmoni dan selamat untuk didiami di dalam Bandaraya Petaling Jaya yang dicintai.

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung program ini bolehlah terus menghubungi Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ di talian 03-79563544 samb. 370 / 374 / 412 atau email kepada [nazihah@mbpj.gov.my](mailto:nazihah@mbpj.gov.my).

**Sekretariat Media  
Unit Perhubungan Awam  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Tarikh : 29 Mac 2014.

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,  
twitter : pjcitycouncil, emel : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 206/208,  
Faks : 03-79582695. (**Puan Zainun bt Zakaria, / En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar**)